

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JKE 213 - Wang dan Perbankan**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH SATU** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan Bahagian A dengan menghitamkan jawapan yang terbaik di dalam borang OMR. Pastikan anda menulis angka giliran yang betul dan dihitamkan di ruang yang berkenaan. Jika tidak anda akan diberi markah 0 untuk bahagian ini.

Jawab **SEMUA** soalan Bahagian B di ruang yang disediakan.

Pilih **DUA** soalan sahaja di Bahagian C dan tulis jawapan anda di ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.

**SERAHKAN KESELURUHAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAANINI BERSAMA-SAMA KERTAS JAWAPAN OMR ANDA KEPADA KETUA PENGAWAS.** Calon yang tidak menyerahkan keseluruhan kertas soalan ini akan diberikan markah “0”.

**KETUA PENGAWAS: SILA PUNGUT BORANG OMR DAN KESELURUHAN KERTAS SOALANINI.**

**BAHAGIAN A (30 markah)**

Soalan 1. Jawab **SEMUA** soalan. HITAMKAN jawapan yang terbaik untuk setiap soalan di atas borang OMR.

1. \_\_\_\_\_ adalah pengurangan dalam kos urus niaga bagi setiap ringgit pelaburan apabila saiz transaksi meningkat.
  - A. Diskaun
  - B. Ekonomi bidangan
  - C. Ekonomi perdagangan
  - D. Kepelbagaian
  
2. Pengantara kewangan menukarkan aset berisiko tinggi kepada aset yang lebih selamat untuk pelabur menerusi \_\_\_\_\_.
  - A. regulasi pasaran
  - B. transformasi aset
  - C. ekonomi bidangan
  - D. kepelbagaian portfolio
  
3. Peminjam biasanya mempunyai maklumat yang lebih berkaitan potensi pulangan dan risiko projek-projek pelaburan mereka berbanding pemberi pinjaman. Ketidaksamaan maklumat ini dikenali sebagai \_\_\_\_\_.
  - A. bahaya moral
  - B. maklumat tidak simetri
  - C. risiko tidak bercagar
  - D. pemilihan buruk
  
4. \_\_\_\_\_ ialah contoh masalah yang akan timbul jika Badrul meminjam wang daripada Saliza untuk membeli sebuah kereta tetapi menggunakannya untuk pergi bercuti di luar negara.
  - A. Bahaya moral
  - B. Pemilihan yang buruk
  - C. Pengesahan keadaan yang mahal
  - D. Kos agensi
  
5. Undang-undang kerajaan yang menghendaki syarikat yang tersenarai di bursa saham untuk menyediakan maklumat secara terbuka mengurangkan \_\_\_\_\_.
  - A. kos transaksi
  - B. keperluan untuk kepelbagaian
  - C. pemilihan yang buruk
  - D. bahaya moral

6. Konsep pemilihan yang buruk membantu untuk menjelaskan semua yang berikut kecuali \_\_\_\_\_.
- mengapa syarikat lebih cenderung untuk mendapatkan dana dari bank-bank dan pengantara kewangan lain, dan bukannya daripada pasaran sekuriti
  - mengapa kewangan tidak langsung adalah lebih penting daripada kewangan langsung sebagai sumber kewangan perniagaan
  - mengapa kewangan langsung adalah lebih penting daripada kewangan tidak langsung sebagai sumber kewangan perniagaan
  - mengapa sistem kewangan begitu banyak dikawal selia
7. Manakah antara berikut **bukan** matlamat Bank Negara Malaysia?
- Menggalakkan pertumbuhan ekonomi.
  - Mengekalkan tahap yang pekerjaan.
  - Mengurangkan kadar faedah.
  - Mengekalkan kestabilan harga.
8. \_\_\_\_\_ merupakan penyumbang dana terbesar di dalam sistem perbankan Malaysia.
- Bank Negara Malaysia
  - Bank perdagangan
  - Bank pelaburan
  - Bank Islam
9. Dilema dasar yang dihadapi oleh bank pusat dengan keperluan untuk memainkan peranan sebagai '*lender of last resort*' ialah \_\_\_\_\_.
- kemungkinan bank pusat sendiri kehabisan rizab dan menjadi muflis
  - bank perdagangan akan mengurangkan rizab mereka jika risiko '*bank-run*' dapat dikurangkan oleh dasar bank pusat untuk berkhidmat sebagai '*lender of last resort*'
  - bank pusat akan mula bersaing dengan bank perdagangan dalam memberi pinjaman kepada isi rumah dan perniagaan.
  - peruntukan mudah tunai yang boleh dipercayai kepada bank-bank semasa krisis mewujudkan insentif bagi bank-bank untuk mengambil risiko yang berlebihan dalam strategi pelaburan mereka
10. Deposit manakah yang memberi lebih pulangan?
- Deposit tetap.
  - Deposit sementara.
  - Deposit semasa.
  - Deposit simpanan.

11. Manakah antara berikut **bukan** keperluan BNM yang perlu dipatuhi oleh bank perdagangan?
- A. Jumlah pinjaman keseluruhan yang boleh diberi kepada isi rumah dan firma.
  - B. Keperluan rizab tunai.
  - C. Keperluan kecairan minimum.
  - D. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman.
12. Bank pelaburan adalah institusi yang ditubuhkan hasil dari penggabungan \_\_\_\_\_.
- A. bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat broker saham
  - B. bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat diskaun
  - C. bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun
  - D. bank Islam, bank saudagar dan syarikat broker saham
13. Perantara Kewangan Bukan Bank (NBFIs) terdiri daripada semua institusi berikut **kecuali** \_\_\_\_\_.
- A. unit amanah
  - B. broker saham
  - C. kumpulan wang simpanan pekerja dan dana pencen
  - D. syarikat insurans dan takaful
14. Yang manakah antara berikut bukan institusi kewangan pembangunan?
- A. Bank Pengkreditan Malaysia.
  - B. Bank Pertanian Malaysia Berhad.
  - C. Bank Simpanan Nasional.
  - D. Tabung Haji.
15. Manakah antara berikut **bukan** perkembangan dan perubahan struktur kewangan di Malaysia?
- A. Perubahan sumber dan kegunaan dana.
  - B. Perubahan struktur pemilikan bank perdagangan.
  - C. Kemunculan institusi kewangan baru.
  - D. Pengurangan dalam penggunaan perantara kewangan.
16. Manakah antara pernyataan berikut adalah **benar**?
- A. Aset bank menunjukkan sumber dana bank.
  - B. Liabiliti bank menunjukkan kegunaan dana bank.
  - C. Kunci kira-kira bank menunjukkan bahawa jumlah aset bersamaan dengan jumlah liabiliti ditambah modal ekuiti.
  - D. Kunci kira-kira bank menunjukkan jumlah keuntungan bank.

17. Manakah antara berikut dilaporkan sebagai liabiliti dalam kunci kira-kira bank?
- A. Rizab.
  - B. Deposit Semasa.
  - C. Pinjaman.
  - D. Deposit di bank-bank lain.
18. Akaun semasa adalah \_\_\_\_\_ mudah cair berbanding akaun deposit yang menggunakan buku simpanan, oleh itu ia memberi pulangan yang \_\_\_\_\_ .
- A. kurang; lebih tinggi
  - B. kurang; lebih rendah
  - C. lebih; lebih tinggi
  - D. lebih; lebih rendah
19. Manakah antara berikut adalah aset bank yang paling cair?
- A. Pinjaman Pengguna.
  - B. Rizab.
  - C. Sekuriti kerajaan.
  - D. Instrument Deposit Bolehniaga.
20. Proses transformasi aset merujuk kepada \_\_\_\_\_ .
- A. proses membuat aset baru daripada liabiliti
  - B. proses membuat aset baru daripada modal
  - C. proses membuat aset baru daripada asset lama
  - D. proses membuat aset kurang risiko daripada aset berisiko
21. Manakah antara pernyataan berikut paling tepat menggambarkan tugas pengurusan aset bank?
- A. Bank berusaha untuk mendapatkan pulangan tertinggi tertakluk kepada pegangan risiko minimum dan peruntukan yang mencukupi untuk kecairan.
  - B. Bank berusaha untuk mempunyai kecairan paling tinggi tertakluk kepada mendapatkan kadar pulangan yang positif.
  - C. Bank berusaha untuk mengelakkan kegagalan. Oleh itu, bank lebih mengambil berat mengenai keperluan kecairan berbanding dengan keuntungan.
  - D. Bank berusaha untuk mendapatkan dana dengan kos yang paling rendah.
22. Bank menjadi tidak solven apabila \_\_\_\_\_ .
- A. nilai asetnya melebihi liabiliti
  - B. nilai liabilitinya melebihi aset
  - C. bank mengalami aliran keluar deposit yang besar
  - D. bank terpaksa memanggil semula pinjaman dalam jumlah besar

23. Modal bank mempunyai kedua-dua faedah dan kos untuk pemilik bank. Bank yang mempunyai modal yang tinggi dapat \_\_\_\_\_ kemungkinan kebankrapan, tetapi mendapat pulangan yang \_\_\_\_\_ ke atas ekuiti.
- A. mengurangkan; tinggi
  - B. meningkatkan; tinggi
  - C. mengurangkan; rendah
  - D. meningkatkan; rendah
24. Insurans deposit \_\_\_\_\_.
- A. menarik minat usahawan yang mengambil risiko tinggi ke dalam industri perbankan
  - B. menggalakkan pengurus bank untuk mengurangkan risiko
  - C. meningkatkan insentif pendeposit untuk memantau risiko aset bank mereka
  - D. meningkatkan kemungkinan '*bank run*'
25. '*Basel Accord*' adalah satu perjanjian antarabangsa yang memerlukan bank-bank untuk memegang modal berdasarkan jumlah \_\_\_\_\_.
- A. aset
  - B. liabiliti
  - C. aset berwajaran risiko
  - D. liabiliti berwajaran risiko
26. Manakah antara berikut **bukan** tujuan regulasi pasaran kewangan?
- A. Meningkatkan maklumat untuk pelabur.
  - B. Memastikan kekuahan pengantara kewangan.
  - C. Meningkatkan kawalan kewangan.
  - D. Memastikan pelabur mendapat pulangan yang tinggi.
27. Konsep perbankan syariah meliputi prinsip berikut **kecuali** \_\_\_\_\_.
- A. jualan pembayaran tertunggak (*Bai' Bithaman Ajil*)
  - B. pemberian wang secara terus (*sedekah*)
  - C. peminjaman kolateral (*Ar-Rahnu*)
  - D. pinjaman kebaikan (*Qardhul Hassan*)
28. Konsep kewangan Islam bebas daripada semua elemen berikut **kecuali** \_\_\_\_\_.
- A. riba
  - B. riak
  - C. haram
  - D. zulm

29. Institusi kewangan Islam yang pertama ditubuhkan di Malaysia adalah \_\_\_\_\_.
- A. Syarikat Takaful Malaysia
  - B. Bank Islam Malaysia
  - C. Tabung Haji
  - D. Koperasi Islam Malaysia
30. Berikut adalah contoh kontrak perbankan Islam yang berkaitan dengan deposit **kecuali** \_\_\_\_\_.
- A. Wadi'ah
  - B. Ijarah
  - C. Mudarabah
  - D. Musyarakah
31. Sistem perbankan Malaysia dianggap sebagai sistem dwi-perbankan kerana \_\_\_\_\_.
- A. ia meliputi bank dan juga institusi bukan-bank
  - B. bank menawarkan perkhidmatan pinjaman dan tabungan
  - C. ia meliputi sistem perbankan konvensional dan juga perbankan Islam
  - D. ia wujud sebelum Tanah Melayu merdeka lagi, dan juga selepas kemerdekaan dicapai
32. Kesan kegawatan ekonomi yang berlaku di rantau Asia Tenggara pada tahun 1997 menyebabkan \_\_\_\_\_.
- A. penurunan kadar pengangguran
  - B. naik-turun nilai tukaran asing
  - C. pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat
  - D. peningkatan keyakinan pelabur
33. Apabila pengantara kewangan mengurangkan pinjaman, firma tidak boleh membiayai peluang pelaburan. Ini menyebabkan \_\_\_\_\_.
- A. penguncutan aktiviti ekonomi
  - B. pengembangan aktiviti ekonomi
  - C. inflasi
  - D. kerajaan mengetatkan peraturan

34. Bilangan bank tempatan di Malaysia berkurangan sejak krisis ekonomi 1997 disebabkan oleh \_\_\_\_\_.
- kegagalan bank (*bank failures*)
  - perubahan peraturan perbankan
  - penggabungan dan pengambilalihan (*mergers and acquisitions*)
  - Semua tersebut di atas.
35. Dalam keadaan '*banking panic*', punca penularan krisis adalah disebabkan oleh \_\_\_\_\_.
- bahaya moral
  - masalah pemilihan yang buruk
  - masalah kos transaksi
  - maklumat tidak simetri
36. Krisis kewangan dinegara sedang pesat membangun secara amnya berpunca daripada \_\_\_\_\_.
- salah urus liberalisasi kewangan dan ketidakseimbangan fiskal yang teruk
  - penurunan pasaran saham dan ketidakseimbangan fiskal yang teruk
  - salah urus liberalisasi kewangan dan pasaran saham menurun
  - penurunan pasaran saham dan penurunan yang tidak dijangka dalam nilai mata wang domestik
37. Ketidakseimbangan fiskal yang teruk boleh mencetuskan krisis mata wang kerana \_\_\_\_\_.
- kerajaan mungkin terpaksa mengurangkan perbelanjaan
  - pelabur takut bahawa kerajaan tidak dapat mencetak wang untuk membayar balik hutang
  - pelabur takut bahawa kerajaan tidak dapat membayar hutang kerana tidak mempunyai dana yang cukup
  - kerajaan perlu menutup bank-bank yang lemah
38. Di negara-negara sedang pesat membangun, kebanyakan syarikat mempunyai hutang dalam mata wang asing seperti Dolar atau Yen. Kejatuhan nilai mata wang domestik menyebabkan \_\_\_\_\_.
- nilai hutang syarikat berkurangan segi mata wang domestik, walaupun nilai aset mereka masih tidak berubah
  - nilai aset syarikat meningkat
  - nilai hutang syarikat meningkat dari segi mata wang domestik, walaupun nilai aset mereka masih tidak berubah
  - mengukuhkan kunci kira-kira syarikat dari segi mata wang domestik

39. Faktor-faktor yang membawa kepada keadaan pasaran kewangan yang semakin teruk di Asia Timur pada tahun 1997-1998 termasuk \_\_\_\_\_.
- A. pengawasan lemah oleh pengawal selia bank
  - B. peningkatan dalam kadar faedah di luar negara
  - C. peningkatan yang tidak dijangka pada paras harga
  - D. meningkat ketidaktentuan daripada kejutan politik
40. Krisis Subprima yang berlaku di Amerika Syarikat pada tahun 2007 melalui tiga peringkat di mana \_\_\_\_\_ membawa kepada \_\_\_\_\_ yang seterusnya membawa kepada \_\_\_\_\_.
- A. penurunan harga aset; krisis perbankan; penurunan yang tidak dijangka dalam paras harga
  - B. penurunan yang tidak dijangka dalam paras harga; krisis perbankan; peningkatan dalam kadar faedah
  - C. krisis perbankan; meningkatkan kadar faedah; penurunan yang tidak dijangka dalam paras harga
  - D. krisis perbankan; meningkatkan ketidakpastian; peningkatan dalam kadar faedah

**BAHAGIAN B (40 markah)**

Jawab **SEMUA** soalan.

2. Berikan definisi ataupun terangkan konsep-konsep berikut.

(a) ‘Too big to fail’

(3 markah)

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

(b) ‘Bank run’

(3 markah)

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

[JKE 213]

- 11 -

(c) Deregulasi (*deregulation*).

(3 markah)

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

**[JKE 213]**

**- 12 -**

3. Apakah perbezaan yang wujud antara sumber pendapatan bank pada masa dahulu dan sekarang?

(4 markah)

4. Senaraikan lima fungsi utama bank.  
(5 markah)
5. RM500 telah didepositkan ke dalam Bank A. Nisbah rizab wajib adalah 10%, tetapi Bank A juga memegang RM30 dalam rizab lebihan. Bank A mengalami aliran keluar deposit tidak dijangka sebanyak RM50.
- (a) Tunjukkan kesan transaksi tersebut terhadap kunci kira-kira Bank A.  
(3 markah)
- (b) Tunjukkan kesan transaksi tersebut terhadap kunci kira-kira Bank A sekiranya Bank A tidak memegang rizab lebihan.  
(3 markah)

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

**[JKE 213]**

**- 14 -**

- (c) Nyatakan tiga cara bagaimana bank dapat meningkatkan rizab. Bagi setiap cara tersebut, tunjukkan apa akan terjadi kepada kunci kira-kira Bank A akibat transaksi tersebut.

(9 markah)

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

**[JKE 213]**

**- 15 -**

6. (a) Apakah tujuan keperluan nisbah kecukupan modal berwajaran (RWCAR) bagi institusi perbankan?  
(2 markah)

Aset	RM (juta)	Wajaran risiko
Rizab	5	0
Bil perpendaharaan	15	0
Sekuriti kerajaan	10	0
Sekuriti lain	20	0.2
Bon Kerajaan	7	0.5
Pinjaman perumahan	18	0.5
Pinjaman komersil	35	1
Aset tetap	5	1

- (b) Berdasarkan maklumat yang diberi, hitung nisbah kecukupan modal berwajaran bagi Bank B.  
(3 markah)

- (c) Sekiranya modal bank berjumlah RM5 juta, adakah ia mencukupi kadar nisbah kecukupan modal berwajaran sebanyak 8% yang ditetapkan bagi bank tersebut?

(2 markah)

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

**[JKE 213]**

**- 16 -**

**BAHAGIAN C (20 markah)**

Jawab **DUA** daripada soalan berikut di ruang yang disediakan.

7. Terangkan lima jenis peraturan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa untuk melindungi orang ramai dan ekonomi daripada serangan panik kewangan (*financial panic*). (10 markah)
8. Bincangkan perbezaan yang wujud antara perbankan Islam dan konvensional? (10 markah)
9. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan krisis kewangan Asia Tenggara 1997. (10 markah)
10. Berdasarkan Krisis Kewangan Global yang berlaku pada 2007, bincangkan mengapa pasaran kewangan perlukan regulasi. (10 markah)

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

**[JKE 213]**

**- 18 -**

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

**[JKE 213]**

**- 19 -**

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

**[JKE 213]**

**- 20 -**

**Angka Giliran:** \_\_\_\_\_

**[JKE 213]**

**- 21 -**

- oooOooo -